Ruj : UKM KPD.BPA.600-4/3/2
Tarikh : 7 Disember 2020

Semua Pelajar Prasiswazah
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

**PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2020-2021 & PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2020-2021**

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita sekiranya saudara/i membaca dengan teliti dan mengambil tindakan seperti berikut:

| Bil | Perkara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Menggunakan Pengenalan (No Matrik) dan Kata Laluan bagi mencapai Sistem Maklumat Pelajar Eksekutif (SMPE) di laman web SMPE, smp.ukm.my/smpe. Pelajar dinasihatkan supaya tidak mendedahkan kata laluan. | |
| 2. | Membuat penilaian kursus yang diikuti pada Semester 1Sesi Akademik 2020-2021 **secara atas talian melalui Sistem Penilaian Pengajaran dan Penyeliaan (SPPP) di http://www.ukm.my/sppp sebelum membuat pendaftaran awal Semester 2 Sesi Akademik 2020-2021**. Sebarang pertanyaan sila hubungi dengan Pn Nor Hapizah Abd Rahman di talian 03-8921 3887 atau emel kepada norhapizah@ukm.edu.my. | **21 Disember 2020-<br>3 Januari 2021** |
| 3. | Membuat pendaftaran awal kursus Semester 2 Sesi Akademik 2020-2021 di laman web SMPE, smp.ukm.my/smpe. Sila semak penawaran kursus di laman web PKP mengikut mod pengajian masing-masing. | |
| 4. | Pendaftaran awal kursus adalah diwajibkan kepada semua pelajar. Pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal kursus hanya dibenarkan membuat pendaftaran kursus Semester 2 Sesi Akademik 2020-2021 dalam tempoh tambah kursus **bermula pada 22 Mac 2021**. Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.<br><br>**BAGI PELAJAR YANG MASIH TIDAK MEMBUAT PENDAFTARAN SELEPAS TEMPOH TAMBAH KURSUS TAMAT, AKAN DIKENAKAN CAJ TERUS KE** | |

| | | |
|---|---|---|
| | **AKAUN PELAJAR SEBANYAK RM50 SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM PERATURAN AM KEWANGAN PKP.** | |
| 5. | Edaran bahan bacaan akan diberi keutamaan kepada pelajar yang membuat pendaftaran awal kursus (jika berkenaan). | |
| 6. | Perlu diingatkan bahawa pendaftaran sebenar kursus Semester 2 Sesi Akademik 2020-2021 adalah tertakluk kepada keputusan peperiksaan semester sebelumnya dan keperluan prasyarat semester berikutnya. | |

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak kami di talian 03-8921 3914 atau emel kepada upprppkp@ukm.edu.my. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**NOOR SUZILAWATI BINTI DESA**
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Timbalan Pengarah

s.k. - Penyelaras Program, PKP
- Ketua Jabatan Teknologi Maklumat & Sokongan Pembelajaran, PKP
- Penolong Pendaftar, Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar, PKP